

RABU • 04.02.2015

HELLO KAMPUS



21 pelajar USIM tawan Gunung Kinabalu

SEREMBAN 3 Feb. - Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad mengetuai 21 pelajar bersama beberapa pegawai lain universiti itu apabila berjaya menawan Gunung Kinabalu, Sabah pada 23 Januari lalu.

Kejayaan menawan puncak tertinggi 4,095 meter dari paras laut itu dilakukan dalam suasana harmoni dan semangat bersatu yang tinggi antara pengurusan kanan USIM dengan pelajaranya.

Menurut Musa, kejayaan itu amat bermakna kerana dihasilkan dengan semangat bersatu yang tinggi dalam kalangan pelajar dan pengurusan kanan universiti.

“Kita berjaya melakukan dengan saling menghormati antara satu sama lain, sukar macam mana sekali pun, kita menerimanya dalam semangat berpasukan. Kejayaan itu

adalah kejayaan pasukan USIM,” katanya di Nilai dekat sini.

Pelajar yang menyertai program khas universiti itu dinamakan Young Muslim Leaders of the Future (YMLF), di mana sekterariatnya di bawah Pejabat Naib Canselor.

“Sementara itu menurut kenyataan Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM, kesemua yang terlibat telah menjalani latihan sejak sebulan lalu, sama ada secara bersendirian mahupun berkumpulan.

“Antara latihan yang dilakukan pelajar dan pengurusan kanan ialah larian sekitar kampus, di trek balapan, berbasikal dan mendaki bukit,” ujar kenyataan itu.

Menurut pelajar Fakultti Syariah dan Undang-Unsang (FSU) USIM, Muhamad Amirul Razali, terdapat dua fasa pendakian iaitu dari titik

permulaan ke Laban Rata iaitu sejauh 6 kilometer dan dari Laban Rata ke puncak Gunung Kinabalu sejauh 2.7 kilometer.

“Pendakian yang curam dan licin disebabkan hujan ternyata mencabar dan setiap satu kilometer perjalanan, terdapat pondok yang disediakan untuk peserta berehat.

“Terdapat sehingga 5,000 spesies tumbuhan di sekitar laluan ke puncak Gunung Kinabalu dan tidak hairanlah kawasan pendakian itu dijaga dengan baik,” katanya.

Sementara itu, menurut pelajar Fakultti Sains dan Teknologi (FST) USIM, Riza Asma’a Saari, semua pelajar dan pengurusan kanan USIM tiba di Laban Rata pada lewat malam dan dinasihatkan supaya berehat sebelum meneruskan pendakian fasa kedua, sekitar awal pagi keesokan harinya.

MUSA AHMAD (belakang, tiga dari kanan) bersama peserta berjaya menawan Gunung Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

